



Firefly pemangkin pelancongan

Penerbangan murah Ipoh-Singapura bantu tingkat ekonomi Perak

Oleh Ridzuan Yop
bhnews@bharian.com.my
(yang mengikuti lawatan ke Singapura)

SINGAPURA: Kerajaan Perak yakin pengenalan laluan udara oleh syarikat penerbangan tambang murah Firefly Sdn Bhd (Firefly) antara Ipoh-Singapura akan mampu meningkatkan dan merencanakan lagi sektor pelancongan dan ekonomi di Perak.

Exco Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Penggana, Alam Sekitar, Pengangkutan Awam dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon, berkata yang pasti pengenalan laluan itu akan dapat meningkatkan kedatangan jumlah pelancongan asing ke Perak terutama dari Singapura.

Beliau berkata, jika sebelum ini, kebanyakan pelancong asing terpaksa memilih jalan darat selepas memasuki negara ini untuk ke Perak, tetapi kini mereka boleh terus mendarat di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh.

"Sehubungan itu, kerajaan negeri yakin sasaran untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Perak melebihi jumlah pada tahun sebelumnya iaitu kira-kira tiga juta akan dapat dicapai selepas pengenalan laluan udara itu.

"Selain itu, jumlah kemasukan pelaburan asing terutama dari Singapura juga dijangka meningkat yang sudah pasti akan merencanakan lagi eko-

nomi negeri," katanya kepada pemberita selepas mengetuai delegasi kerajaan Perak ke Singapura di sini, kelmarin.

Turut serta dalam lawatan itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Mohamad Zahir Abdul Khalid dan Penasihat Menteri Besar bagi Hal Ehwal Kaum India, Datuk S Veerasingham.

Dalam lawatan tiga hari itu, delegasi kerajaan negeri turut mendengar taklimat daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Semula Bandar Singapura (URA) dan Pihak Berkuasa Pengangkutan Singapura (LTA).

FireFly anak syarikat milik penuh Malaysia Airlines (MAS) memperkenalkan laluan terus dari Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh ke Singapura mulai 12 Julai lalu.

Sebagai permulaan, Firefly menawarkan kekerapan penerbangan sebanyak empat kali seminggu iaitu pada Isnin, Rabu, Jumaat dan Ahad pada harga tawaran serendah RM88 hingga RM300.

Dr Mah berkata, penerbangan Ipoh-Singapura dan Singapura-Ipoh bagi bulan ini sudah habis ditempah dan beliau yakin pengguna akan terus memilih penerbangan berkenaan pada masa depan.

Katanya, dengan sambutan yang tinggi itu, Firefly bercadang menambah kekerapan penerbangan daripada empat kali seminggu sekarang.

Beliau berkata, kerajaan

negeri juga bercadang akan berunding dengan pihak berkenaan bagi memperkenalkan kembali laluan udara di beberapa destinasi lain termasuk ke Indonesia seperti Medan, Padang dan Phuket.

"Saya akan berbincang dengan syarikat penerbangan tambang murah di negara terbabit yang mungkin berminat untuk mengadakan semula penerbangan melalui Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah," katanya.

Mengulas mengenai lawatannya ke Singapura, Dr Mah berkata, beliau gembira kerana lawatan itu berjaya serta mendapat banyak manfaat dan kerajaan negeri dapat belajar daripada Singapura pengalaman mereka membangunkan negara pulau itu.

"Berdasarkan kepada lawatan itu kita akan menggunakan pendekatan yang berseesuaian yang boleh digunakan pakai bagi memajukan negeri kerana masalah yang dihadapi oleh Singapura mungkin tidak sama seperti di Perak," katanya.



Dr Mah Hang Soon